

ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

BAHAGIAN V - PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Seksyen 55. Penyenggaraan Daftar Perceraian dan Pembatalan.

- (1) Tiap-tiap Pendaftar dan juga Ketua Pendaftar hendaklah masing-masing menyenggarakan suatu Daftar Perceraian dan Pembatalan dan hendaklah dengan serta-merta mencatatkan ke dalamnya butir-butir yang ditetapkan mengenai semua perintah perceraian dan pembatalan yang dihantar kepadanya di bawah subseksyen (2) dan mengenai semua perintah perceraian dan pembatalan yang dipohon di bawah subseksyen (3) untuk didaftarkan.
 - (2) Tiap-tiap Mahkamah yang memberikan dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau pembatalan atau yang membenarkan dan merekodkan mana-mana talaq atau apa-apa bentuk perceraian lain hendaklah serta-merta menghantar suatu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.
 - (3) Jika sesuatu perkahwinan yang diakadnikahkan dalam Negeri Melaka dibubarkan atau dibatalkan dengan suatu perintah Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa di luar Negeri Melaka, salah satu daripada pihak-pihak itu boleh memohon kepada Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar untuk didaftarkan perintah itu, dan Pendaftar yang berkenaan itu dan Ketua Pendaftar hendaklah mendaftarkan perintah itu apabila berpuas hati bahawa perintah itu adalah suatu perintah yang patut diiktiraf sebagai sah bagi maksud undang-undang dalam Negeri Melaka.
 - (4) Jika sesuatu lafaz talaq di hadapan Mahkamah atau sesuatu perintah perceraian atau pembatalan, di mana-mana jua telah diberikan, telah membubarkan sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan dalam Negeri Melaka dan telah didaftarkan di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa sebelum Enakmen ini, Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah, apabila mendaftarkan talaq atau perintah itu, menyebabkan supaya catatan mengenai perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan ditandakan dengan perkataan "Dibubarkan" dan dengan rujukan mengenai prosiding yang dalamnya talaq itu telah dilafazkan atau perintah itu telah dibuat.
 - (5) Apabila mendaftarkan sesuatu talaq atau perintah perceraian atau pembatalan itu dan apabila dibayar kepadanya fi yang ditetapkan, Ketua Pendaftar hendaklah mengeluarkan perakuan perceraian dan pembatalan dalam borang yang ditetapkan kepada kedua-dua pihak itu.
-